



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN**



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN WANG IHSAN
TABUNG BENCANA TANAMAN PADI (TBTP)
BULAN SEPTEMBER DAN NOVEMBER 2021
DI KAWASAN MUDA**

**21 APRIL 2022 (KHAMIS)
2.30 PETANG
DEWAN TUNKU ANUM, JITRA**

SOLUTASI SEMAK FINAL DI LAPANGAN

Terima kasih Saudara Pengacara majlis.

1. Terlebih dahulu, masih belum terlewat untuk saya **ucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh warga MADA**, serta kepada **seluruh warga peladang di Kawasan Muda**.
2. Saya juga ingin **mengucapkan jutaan terima kasih kepada MADA** di atas kesudian menjemput saya hadir menyempurnakan majlis pada petang ini.
3. Meskipun Malaysia telah memasuki fasa endemik bermula pada 1 April yang lalu, namun **marilah kita terus mematuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** agar pemakaian pelitup muka di tempat awam sentiasa menjadi kewajipan yang mesti dipatuhi oleh setiap individu.
4. Seperti yang kita semua sedia maklum, Kawasan Muda yang diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merangkumi sebahagian daripada Negeri Kedah dan Perlis merupakan kawasan 'Jelapang Padi' yang terbesar di Malaysia dengan keluasan **100,685 hektar kawasan parcel padi**
5. **Untuk rekod, pada tahun 2021 sahaja, pengeluaran padi di Kawasan Muda telah menyumbang kepada 43% pengeluaran padi Negara manakala anggaran pengeluaran padi bersih di kawasan MADA Kedah dan Perlis pada tahun yang sama pula adalah sebanyak 866,661 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak 1.35 bilion ringgit.**
6. Selain itu, sehingga tahun 2021 juga, **seramai 1,031 orang usahawan asas tani di Kawasan Muda (MADA) telah berjaya dibimbing**, dengan nilai **pengeluaran sektor asas tani sebanyak 12.2 juta ringgit.**

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. **Kebajikan peladang serta daya saing sektor pertanian sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan.**
8. Antara cabaran yang cukup digeruni oleh para peladang adalah kejadian bencana alam yang memusnahkan tanaman padi dan menjejaskan pendapatan peladang.
9. **Lantaran itu, Tabung Bencana Tanaman Padi atau (TBTP) ini diwujudkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai bantuan khas kepada penanam-penanam padi yang menghadapi bencana**

luar jangka seperti serangan wabak, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan dan di luar kawalan kita. Di bawah TBTP, pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman padi akibat banjir bakal menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga 3 hektar.

10. **Dalam hal ini, MAFI telah meluluskan peruntukan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi atau TBTP berjumlah 9.93 juta ringgit kepada 6,887 peladang yang terjejas akibat bencana banjir dan padi rebah di Kawasan Muda sahaja pada bulan September dan November 2021 yang lalu, melibatkan kerosakan seluas 8,520 hektar.**
11. **Bagi maksud yang sama, saya difahamkan pada 6 April yang lalu, MADA telah menyampaikan bantuan TBTP ini kepada 956 peladang yang terkesan di Wilayah 1 MADA Perlis, dengan jumlah bantuan berjumlah 1.3 juta dengan kerosakan seluas 840.6 hektar.**
12. **Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis.**
13. **Manakala pada hari ini pula, suka saya umumkan bahawa MADA akan menyampaikan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi kepada 5,931 peladang dari Wilayah 2 MADA Jitra, Wilayah 3 MADA Pendang serta Wilayah 4 MADA Kota Sarang Semut dengan jumlah bantuan sebanyak 8.63 juta ringgit dengan anggaran kerosakan seluas 8,241.61 hektar.**
14. **Saya berharap, bantuan wang ihsan daripada kerajaan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh petani dan peladang serta dapat memberi suntikan modal penanaman padi Musim Pertama 2022 yang ketika ini baru sahaja bermula.**
15. **Sebagai tambahan, Kerajaan juga telah meluluskan bantuan tambahan di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia kepada pengusaha Agromakanan yang terjejas banjir melalui suntikan dana sebanyak RM20 juta untuk TBTP.**
16. **Selain itu, bagi tahun 2022 juga, MAFI juga telah menerima agihan peruntukan sejumlah RM50 juta di bawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) yang disasarkan kepada wira agro sektor agromakanan seperti petani, penternak, nelayan, pengusaha akuakultur, pengusaha agropelancongan dan industri agromakanan. Di bawah PPSPA, petani, penternak dan peladang yang terjejas akibat kerosakan banjir, layak untuk memohon untuk bantuan sehingga maksimum 50% daripada jumlah kerugian.**

17. Pada masa yang sama, MAFI dengan kerjasama Agrobank juga sedang mewujudkan satu skim perlindungan khusus berlandaskan prinsip syariah yang dinamakan sebagai **Skim Perlindungan Takaful Agromakanan**.
18. **Skim ini bakal melakar sejarah sebagai skim perlindungan pertama dalam sektor pertanian** di negara bagi memenuhi keperluan komuniti agromakanan yang mengalami ketidakpastian punca pendapatan akibat bencana alam sekaligus memastikan pengeluaran agromakanan negara tidak terjejas.

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

19. Dalam perkembangan lain, **sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan pengairan dan saliran di Kawasan Muda**, pihak MADA telah mengambil tindakan jangka masa panjang melalui **Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier dengan merancang membangunkan 23 lagi blok yang tiada sistem pengairan tersier**, yang akan memberi manfaat kepada 17,774 hektar kawasan penanaman padi di Negeri Kedah dan Perlis.
20. **Bagi tahun ini juga, MADA telah merancang kerja-kerja penyenggaraan dan pembangunan di Kawasan Muda** mengikut peruntukan yang telah disediakan untuk:
 - i. **Pertama, kerja-kerja penyenggaraan saluran air berkala di Kawasan Muda Negeri Kedah serta Perlis dengan kos dianggarkan berjumlah RM3.42 juta**, dan
 - ii. **Kedua, kerja-kerja penyenggaraan infrastruktur seperti jalan ladang, struktur kawalan dan ban dengan kos dianggarkan bernilai 1.5 juta ringgit**.

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

21. Bagi mencapai pertumbuhan maksimum di dalam sektor pertanian, **penerimgunaan teknologi dan pendigitalan dikenalpasti sebagai pemangkin di dalam Rancangan Malaysia Ke-12**.
22. Dasar Agromakanan Negara 2.0 telah menitikberatkan kepada **Sistem 'Smart Farming'** yang berteraskan IR 4.0 iaitu menggunakan sensor bagi mengesan paras air, mempunyai rekod data hujan dan kawalan kemasukan dan pengeluaran air dari petak sawah secara automatik.
23. **Berdasarkan rekod data hujan, sistem ladang IR 4.0 boleh memantau paras air semasa dan mengawal paras air dalam petak sawah bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir**.

24. **Dalam hal ini, MADA akan membangunkan Projek Ladang Padi IR4.0 di bawah Projek Pembangunan RMKe-12 yang antara lain boleh menghantar notifikasi amaran bahaya kepada operator sekiranya risiko banjir dikesan dan tindakan awalan dapat diambil.**

Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

25. **Sebelum saya akhiri ucapan, saya menyeru kepada seluruh warga peladang khususnya di Kawasan Muda ini agar mematuhi Jadual Penanaman Padi bagi Musim Pertama 2022, bagi mengelakkan berlakunya pembaziran air.**
26. **Saya difahamkan bagi Musim Pertama 2022 ini, pelepasan air dari empangan hanya akan dibuat bagi tujuan bekalan air sokongan sahaja.**
27. **Saya yakin pihak MADA telah melakukan usaha dan ikhtiar sehabis baik bagi memastikan kebajikan peladang-peladang di Kawasan Muda mendapat pembelaan yang sewajarnya.**
28. **Saya juga berkeyakinan bahawa MADA sentiasa beriltizam serta terus maju ke hadapan dalam menjadikan industri tanaman padi di Malaysia terus maju dan berdaya saing seiring dengan peredaran zaman.**
29. **Sekali lagi saya rakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh tetamu dan jawatankuasa yang menjayakan majlis ini.**
30. **Selamat meneruskan Ibadah Puasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga peladang khususnya di Kawasan Muda ini serta kepada seluruh warga kerja MADA.**

Terima Kasih.